

PM berlepas ke Eropah untuk bercuti satu minggu

KUALA LUMPUR 23 Jun — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berlepas ke luar negara pagi ini untuk bercuti rehat selama seminggu di Eropah.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri Datuk Zakaria Abdul Wahab berkata, Dr. Mahathir yang ditemani isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali, berlepas dengan pesawat eksekutif kerajaan dari pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang kira-kira pukul 10 pagi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman dan para kakitangan Pejabat Perdana Menteri adalah antara mereka yang berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan.

Sebelum berlepas, Dr Abdul Hamid membacakan doa selamat.

Mengikut jadual asal, Perdana Menteri sepatutnya berlepas ke luar negara malam ini.

Ceria

Sementara itu, pesawat Perdana Menteri singgah di Lapangan Terbang Dubai pukul 4.30 petang ini selama sejam untuk mengisi minyak sebelum berlepas ke Eropah.

Antara mereka yang menaiki pesawat itu menyambut Dr. Mahathir di Dubai ialah Duta Besar Malaysia di Emirates Arab Bersatu (UAE), Datuk Syed Hussein Alhabshee, Konsul Besar Malaysia di Dubai, Mustafa Abdul Hamid dan Pengurus MAS di Dubai, Sabaruddin Ismail.

"Dr. Mahathir nampak tenang," kata Syed Hussein kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini.

Berhubung reaksi kepada hasrat pengunduran Dr. Mahathir itu, Syed Hussein berkata, reaksi datang mencurah-curah kepadanya daripada rakyat UAE yang meminta Perdana Menteri mengekalkan jawatannya.

■ Lihat muka 11

"Mereka berkata peranan dan pengaruh Dr. Mahathir masih diperlukan untuk ummah di rantau ini," katanya.

Antara yang datang sendiri bertemu beliau ialah seorang ahli perniagaan terkemuka di Abu Dhabi, ibu negara

UAE, Abbas Al-Zain yang menyampaikan pesanan supaya Dr. Mahathir terus kekal.

Selain beliau ialah Editor *Agensi Berita Emirates*, Dr. Jamal Majaida yang melahirkan rasa terkejutnya dan meminta Dr. Mahathir terus memimpin umat Islam.

PM berlepas ke luar negara

DARI MUKA 1

memberitahu mereka yang hadir itu supaya keputusan bapanya dihormati.

Siti Hasmah juga dikatakan menyatakan pendirian yang sama supaya hasrat suaminya itu dituruti.

Bagaimanapun, selepas kira-kira 40 minit dalam bilik itu, Dr Mahathir berjaya dipujuk supaya bersetuju untuk terus menerajui kepemimpinan parti dan kerajaan.

Sementara itu, Megat Junid berkata Dr Mahathir memang bersungguh-sungguh untuk meletakkan jawatan walaupun tiada bayangan beliau akan berbuat demikian sehingga ketika pengumuman itu dibuat pada akhir perhimpunan agung Umno semalam.

"Saya turut menangis dalam bilik itu dan memberitahu Dr Mahathir, demi kepentingan parti dan kerajaan, beliau tidak boleh pergi macam itu saja. Lepas itu, Pak Lah pujuk dia. Saya tengok Mokhzani begitu emosional tetapi Mirzan diam saja," katanya kepada *Berita Harian*.

Megat Junid, bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri dan antara orang yang dikatakan rapat dengannya

berkata, beliau sendiri sudah merasakan suatu kelainan sejak hari pertama Perhimpunan Agung Umno 2002 Khamis lalu.

"Sepanjang berucap pada hari pertama itu, Dr Mahathir lima kali menyebut perkataan minta maaf. Ini tidak pernah dilakukannya. Kemudian ketika menggulupg perbincangan, saya tengok dia meneguk air sebanyak enam kali, mungkin bagi mengawal perasaan.

"Bila beliau umum nak letak jawatan, saya ingat cuma nak letak jawatan sebagai Menteri Kewangan, tetapi rupanya daripada jawatan Presiden Umno. Saya cukup terkejut dan menolak Rafizah Aziz yang duduk di sebelah pergi ke arah Dr Mahathir, memintajangan buat demikian. Saya enggan berbuat demikian kerana orang tahu saya memang "budak dia," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berlepas ke luar negara pada jam 10 pagi ini untuk bercuti rehat selama seminggu di Itali bersama Dr Siti Hasmah. Mereka berlepas dengan pesawat eksekutif kerajaan dari pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang.

Difahamkan, percutian itu sudah dirancang sebelum ini kerana memang kebiasaan Dr Mahathir bercuti seminggu selepas setiap kali perhimpunan agung Umno. Bagaimanapun, beliau, yang sepatutnya berlepas malam ini, berbuat demikian lebih awal.